

**UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN CYBERCARE KE ARAH PEMBENTUKAN
E-KOMUNITI DAN PERASMIAN E-MENTORING
DI AUDITORIUM MIMOS BERHAD
BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 30 MEI 2000
JAM 10.00 PAGI**

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kelab Lions CyberCare Kuala Lumpur dan MIMOS Berhad kerana sudi menjemput saya untuk turut serta dalam acara gemilang hari ini bagi meraikan kejayaan langkah pertama CyberCare dalam membentuk sebuah Masyarakat Elektronik Yang Penyayang.

2. Sesungguhnya saya amat berbesar hati di atas usaha murni Kelab Lions CyberCare Kuala Lumpur yang telah menjayakan projek CyberCare ini. Saya dimaklumkan bahawa sejak ia dilancarkan pada tahun lalu, CyberCare telahpun mencapai pelbagai kejayaan dan menjadi projek rintis di bawah Kumpulan Kerja Komuniti Elektronik, Majlis Teknologi Maklumat Negara atau NITC. Projek ini yang telah dibiayai oleh NITC melalui Skim Geran Aplikasi Penunjukcara, atau lebih dikenali sebagai DAGS kini menjadi model kepada Iain-lain projek e-Komuniti di negara ini. Adalah jelas, CyberCare telahpun membuktikan kepada kita bagaimana aspirasi NITA atau Agenda IT Nasional boleh direalisasikan. Projek ini bukan sahaja telah berjaya membina infostruktur dan memberi pendedahan IT kepada kanak-kanak di rumah kebajikan, malah ia telah membuktikan bahawa melalui perkongsian bestari di kalangan pelbagai pihak khususnya sektor awam, swasta dan komuniti pelbagai halangan dan rintangan dapat di atasi yang mana akhirnya memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

3. Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd,

Hitechniaga Sdn Bhd, NITC dan MIMOS Berhad di atas sokongan dan kerjasama yang erat dalam menjayakan projek CyberCare ini.

4. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kita telahpun mara ke hadapan dalam era Teknologi Maklumat dan komunikasi. Pada masa sekarang, kita tidak lagi menggunakan IT sekadar untuk mengautomasikan perkhidmatan tradisional tetapi ia kini dimanfaatkan bagi menghasilkan penyelesaian secara menyeluruh dalam segenap aspek kehidupan manusia. Kini, kita perlu sedar bahawa pekerjaan dan kehidupan kita tidak dapat dielak dari dipacu oleh IT.

5. Buat masa kini, kita sedang membiasakan diri kita dengan kadar kemajuan teknologi yang menakjubkan. Walau bagaimanapun, tidak semua antara kita yang berpeluang untuk turut serta di dalam kemajuan ini. Oleh itu saya amat menghargai dan menyanjungi usaha CyberCare yang ingin memastikan kanak-kanak yang tidak bernasib baik ini tidak turut ketinggalan dalam arus Teknologi Maklumat yang kian berkembang pesat ini.

6. Kanak-kanak, yang memiliki sifat ingin tahu dan keinginan yang kuat untuk belajar, akan dapat memperolehi banyak faedah daripada maklumat yang boleh dicapai melalui Internet. Tambahan pula, Internet adalah satu-satunya saluran komunikasi sejagat, yang menghubungkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak dari segenap pelusuk dunia.

7. Pendidikan adalah juga merupakan matlamat utama CyberCare, sebagaimana pepatah yang menyatakan, saya petik, 'If you are planning for a year, sow rice; if you are planning for a decade, plant trees; if you are planning for a lifetime, educate people'. Melalui projek ini, kanak-kanak yang tidak bernasib baik ini akan dibekalkan bukan sekadar dengan peralatan komputer tetapi juga latihan dan bimbingan yang diperlukan untuk menghadapi masa depan era IT.

8. Kita juga perlu sedar bahawa kanak-kanak ini memerlukan penjagaan, pemeliharaan dan bimbingan penuh di dalam kehidupan mereka. Hubungan peribadi secara langsung adalah amat penting kepada pertumbuhan kanak-kanak ini. Oleh itu, saya berasa gembira ada organisasi seperti Persatuan Kebajikan Kanda Dinda yang mengambil inisiatif untuk memperbaiki kualiti hidup dalam komuniti ini, dengan merangsang perhubungan Satu-dengan-Satu diantara remaja-remaja dari rumah-rumah kebajikan atau keluarga ibu atau bapa tunggal, dengan model yang menambahkan kematangan, harga diri dan tanggungjawab peribadi semua. Usaha Persatuan Kebajikan Kanda Dinda ini adalah semudah menempatkan seorang sahabat istimewa di dalam kehidupan seorang kanak-kanak, dan meletakkan harapan dalam masa depannya.

9. Program e-Monitoring bertujuan membangunkan perkhidmatan 'on-line' bagi memudahkan para mentor menyediakan program tersendiri mereka dengan kanak-kanak tersebut. Masyarakat kita hari ini meletakkan tumpuan utama kepada IT, dan adalah amat mengembirakan melihat kerjasama baru ini di antara CyberCare dan Persatuan Kebajikan Kanda Dinda.

10. Saya melihat kerjasama ini sebagai sesuatu yang amat berpotensi, yang secara jelas memperlihatkan penggunaan IT secara efektif untuk memperbaiki kehidupan mereka yang kurang bernasib baik. Saluran komunikasi tambahan ini bukan sahaja akan meningkat dan menguatkan perhubungan di antara mentor dan kanak-kanak, tetapi membantu Kanda Dinda memantau dan menilai kemajuan kanak-kanak dan mentor tersebut.

11. Saya yakin projek e-Mentoring ini akan terus berkembang dan merintis jalan kepada kanak-kanak untuk turut sama dalam arus pembangunan IT. Meminjam kata-kata K.N. Tiwari, dari badan amal antarabangsa Oxfam; "Everywhere, in every human being, there is a talent and creativity. All they need is the space to develop. Do not think you can change the world, or the whole of society, but work to change things little by little at your own level. Do something, do whatever you can do. This gives others the inspiration to stand and to stay".

12. Saya berharap semoga rakyat Malaysia yang lain akan turut serta dalam program yang mudah tetapi bakal memberikan impak yang besar ini. Dengan menjadi seorang e-Mentor anda boleh membuat perubahan yang besar ke atas kehidupan seorang kanak-kanak, dengan hanya sedikit usaha, masa, sumbangan dan perhatian.

13. Saya juga berharap akan wujud lebih banyak usaha kerjasama seperti CyberCare dan Persatuan Kebajikan Kanda Dinda ini oleh lain-lain syarikat ataupun antara organisasi awam, swasta dan komuniti untuk memperbaiki lagi kualiti hidup masyarakat kita.

14. Langkah proaktif CyberCare adalah selaras dengan matlamat serampang dua mata Malaysia yang ingin menyemai budaya prihatin dan masyarakat bermaklumat di negara ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas usaha ikhlas seperti ini, yang memungkinkan kita semakin dekat ke arah mencapai wawasan 2020. Kepada semua yang terlibat menjayakan projek Cybercare ini saya ucapkan syabas dan tahniah.

15. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran sistem e-Mentoring CyberCare.
